

# Tidak wajar pihak lain persoal perpaduan rakyat Malaysia – Ka Ting

BANGI 1 Okt. – Pihak lain tidak wajar untuk memperkatakan tentang tahap keharmonian dan perpaduan rakyat berbilang bangsa di Malaysia apatah lagi mempersoalkannya, kata Presiden MCA yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, hari ini.

Tanpa merujuk kepada mana-mana pihak, beliau berkata ini kerana rakyat Malaysia pelbagai kaum telah mengakui, mengiktiraf dan menerima pegangan dan cara hidup

masing-masing serta hidup bersama dalam suasana yang aman.

“Tidak wajar sesiapa cuba soal apa yang telah wujud ini... biarlah ia berkembang secara semula jadi,” katanya ketika merasmikan Pesta Tanglung Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Ke-27 anjuran Sekretariat Pesta Tanglung UKM di Dewan Canselor Tun Abdul Razak di universiti itu di sini.

Ka Ting berkata, sebagai presiden parti politik yang mewakili kaum Cina di negara ini,

UM - 2/10/2006  
beliau menekankan prinsip bahawa setiap rakyat di negara ini adalah “Warganegara Malaysia” seperti mana yang tertera pada kad pengenalan dan diperakui hak masing-masing di bawah peruntukan perlembagaan negara.

Dengan itu, katanya, setiap rakyat bebas untuk melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap bangsa dan agama mengikut kepercayaan dan kefahaman masing-masing dengan mengutamakan kepentingan negara.

Katanya, sifat menghargai keharmonian

dan perpaduan adalah kunci kejayaan rakyat Malaysia sejak negara merdeka 49 tahun yang lalu.

Mengenai pesta tanglung yang disambut masyarakat Cina pada setiap pertengahan musim luruh dalam kalendar tahun Cina, Ka Ting berkata pesta itu akan memberikan peluang kepada kaum lain untuk mempelajari dan memahami budaya kaum Tionghua dengan lebih mendalam.

Ketua Pengarah Sekretariat Hew Yen Sang

berkata, selain memperkenalkan keunikan budaya masyarakat Tionghua melalui pelbagai persembahan kebudayaan, pesta tanglung itu juga bertujuan mengeratkan hubungan siswa di UKM.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi) UKM, Prof. Datuk Dr. Ibrahim Komoo dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datuk Dr. Mohd Wahid Samsudin.

– Bernama